



Anwar yang juga Menteri Kewangan menjawab soalan pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan sempena Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen pada Isnin.

Perdana Menteri tegaskan kerajaan juga tidak akan menaikkan kadar tarif elektrik bagi B40

Tiada subsidi haji, elektrik untuk T20

SINAR HARIAN 23/5/2023 M/S: 2

KUALA LUMPUR

Golongan berpendapatan tinggi atau T20 tidak lagi akan menerima manfaat subsidi yang diberikan kerajaan berkenaan tarif elektrik dan haji.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagaimanapun menegaskan, kerajaan tidak akan menaikkan kadar tarif elektrik bagi kumpulan berpendapatan rendah (B40).

Tambah beliau, Pangkalan Data Utama (PADU) akan digunakan untuk mengurus dan menyelaras penilaian agihan subsidi kepada golongan yang layak.

"Pemberian subsidi bersasar jadi isu. Kita tidak menaikkan kadar elektrik melainkan kepada T20. Untuk T20

saja iaitu rumah besar, tidak akan diberi subsidi elektrik dan pangkalan data utama PADU akan dapat menyelaraskan semua.

"Ini sama seperti haji. Bantuan kewangan haji kepada B40 kita tambah, tetapi kepada T20 tidak ada lagi tambahan dan subsidi daripada kerajaan.

"Mereka (T20) harus tanggung kos sepenuhnya haji kerana mereka mampu," katanya pada sesi soal jawab lisan pada hari pertama persidangan Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Datuk Seri Hamzah Zainuddin (PN-Larut)** yang mahu mengetahui dasar-dasar baharu dan drastik yang sudah dilaksanakan sejak memimpin Malaysia bagi melonjakkan ekonomi negara, dengan mengambil kira risiko penguncupan ekonomi dunia.

Sebelum ini, Anwar berkata, hanya pengguna domestik yang menggunakan elektrik

berlebihan akan dikenakan caj tarif elektrik semasa dan tidak diberikan subsidi.



BAYARAN HAJI
MUSIM HAJI 1444H/2023M

KOS HAJI RM30,850

Bayaran Haji Secrang Jemaah Muassasah

	Kumpulan B40	RM10,980
	Kumpulan M40	RM15,980
	Kumpulan T20	RM30,850

Selepas 2011, 2012 dan 2013, Kerajaan Malaysia memperkenalkan kadar bayaran haji padanan RM11,980.

f Tabung Haji @Tabung_Haji @TabungHaji Tabung Haji +603 6207 1919 www.tabung-haji.gov.my